



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 18 DISEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**



Armizan (tengah) merasmikan sambutan Majlis Muzikal Platinum Grand Reunion Sekolah Menengah Kebangsaan St Joseph 2023 di Papar, kelmarin.
(Foto BERNAMA)

Armizan akui wujud ketirisan subsidi

Kementerian teliti keseriusan masalah cari jalan terbaik tangani penyelewengan

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Yun Mikail
bhnews@bh.com.my

Papar: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali mengakui wujud ketirisan dan penyelewengan dalam pelaksanaan subsidi yang diberikan kepada rakyat.

Bagaimanapun, beliau belum boleh menyatakan sejauh mana tahap permasalahan terbabit berlaku ketika ini.

"Saya tidak naffikan ketika memangku jawatan (menteri) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) sebelum ini, kita memang mendengar khabar angin berhubung ketirisan dan penyelewengan subsidi."

"Kini saya mengesahkan semua ini memang berlaku, namun kementerian masih melihat perkara itu secara teliti untuk mengetahui tahap permasalahan berkenaan."

"Masalah ini turut membabitkan subsidi minyak masak paket dan pelbagai barang lain. Ada isu berkaitan sorok barang, malahan terdapat juga segelintir pihak tidak bertanggungjawab membotolkan semula minyak masak paket bersubsidi supaya boleh dipasarkan dengan harga lebih mahal," katanya selepas merasmikan Majlis Muzikal Platinum Grand Reunion Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Joseph 2023, di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Armizan ber-

kata, kementerian juga sedang melaksanakan proses audit di seluruh negara ke atas semua syarikat pembungkusan dan pembekal yang dilantik sehingga Mac tahun depan.

Rasuh punca ketirisan

Sementara itu, penganalisis kriminalologi yang juga Penasihat Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Salawati Mat Basir, berkata gejala rasuh dari pada generasi ke generasi dalam pasukan penguatkuasaan negara menjadi antara punca ketirisan dan penyelewengan dalam pelaksanaan subsidi.

Katanya, kewujudan akta dan peraturan yang ketat tidak akan berkesan sekiranya masih wujud kumpulan penguat kuasa yang mengamalkan rasuh.

"Kita sedar terdapat amalan yang tidak bertanggungjawab dilakukan sesetengah pihak dalam pasukan penguatkuasaan negara yang 'diturunkan' daripada ge-

nerasi ke generasi.

"Ada antara mereka perlu mengambil rasuh kerana penguat kuasa sebelum itu juga melakukan tindakan serupa. Ia berasaskan kerana adanya *portion* atau komisyen yang akan diterima mereka sama ada dari klang tertentu atau penyeludup.

"Selagi mereka terus bersengkokol, undang-undang yang ketat tidak akan berkesan untuk memberantas ketirisan dan penyelewengan yang berlaku ini kerana mereka menjadi orang dalam yang boleh memanipulasi tindakan yang dilakukan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Salawati berkata, punca lain ketirisan adalah disebabkan kurangnya tindakan kepada pihak yang melakukan penyelewengan.

"Mereka ini biasanya sudah lama terbabit dan berasa selesa, lebih-lebih lagi ada pihak yang tidak amanah, yang mendapat *percent* daripada aktiviti itu," katanya.

KPDN libatkan universiti tangani kos sara hidup Sabah, Sarawak dan Labuan

KOTA KINABALU -

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merancang untuk bekerjasama dengan universiti dalam jawatankuasa khas yang dibentuk kerajaan Persekutuan bagi menstabilkan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas itu untuk isu menstabilkan



ARMIZAN

harga barang di tiga wilayah juga akan melibatkan universiti khususnya tersebut.

"Saya tidak mahu terlalu bercita-cita bahawa kita boleh menyelesaikan semua isu itu

serta-merta, tetapi kita kena ambil pendekatan jangka masa pendek, sederhana dan panjang sebab isu-kestabilan harga barang bukanlah isu baharu."

"Untuk menggerakkan usaha ini, kita bukan hanya melihat kepada inisiatif kerajaan Persekutuan dan negeri tetapi kita

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sabah Street Fashion Show di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pakar yang ada di UMS dan Unimas boleh duduk berbincang bersama untuk mengetengahkan kaedah yang bersesuaian dalam usaha menangani isu kos sara hidup di tiga wilayah berkenaan.

Ringan kos sara hidup

Papar: Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan kelas ekonomi melebihi RM599 sehala dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan bagi perjalanan tiga hari sebelum perayaan membuktikan komitmen tinggi kerajaan bagi meringankan isu kos sara hidup dihadapi rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia bantuan tiket penerbangan kedua dilaksanakan selepas Flyiswa, dan inisiatif itu adalah sebahagian daripada agenda kerajaan bagi

menangani isu kos sara hidup dalam sektor pengangkutan.

Beliau berkata agenda menangani isu kos sara hidup dalam kalangan rakyat diselaras melalui Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) diurus setia Sekretariat NACCOL di kementeriannya dengan strategi serta pendekatan merentasi pelbagai kementerian serta agensi.

“Agenda menangani kos sara hidup digerakkan di bawah beberapa kluster seperti perumahan, pendapatan dan pengangkutan,” katanya.

Program Jualan Rahmah catat RM200 juta tahun ini

JERANTUT — Program Jualan Rahmah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat mencatat nilai jualan keseluruhan sebanyak RM200 juta sehingga 15 Disember tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh berkata, program yang menerusi pelbagai model jualan itu telah dilaksanakan di 4,393 buah lokasi meliputi 222 buah Parlimen serta 586 kawasan Dewan Undangan Negeri seluruh negara melibatkan seramai 6.2 juta orang pengunjung.

"Antara model pelaksanaan Jualan Rahmah iaitu, Jualan Rahmah Bergerak sejak bulan April lalu didapati cukup berkesan dengan mendapat sambutan hangat rakyat dengan mencatat jualan RM62 juta diperoleh daripada sebanyak 1.5 juta orang pengunjung mell-



FUZIAH (tengah) meninjau jualan barang keperluan dapur sempena Jualan Rahmah Bergerak di Felda Jengka 12, Jerantut semalam.

batkan 1,942 buah lokasi.

"Program jualan berkONSEP kasih sayang daripada Kerajaan Perpaduan kepada rakyat berpendapatan rendah itu turut diadakan dengan kerjasama rakan strategik lain," katanya kepada pemberita selepas meninjau Jualan Rahmah Bergerak

di Felda Jengka 12 dekat sini semalam.

Terdahulu, Fuziah turut merasmikan acara Monsoon Run Kinabalu Hill yang melibatkan kira-kira 330 orang peserta larian yang bertanding empat kategori merentas kawasan Felda tersebut.

Flight fare subsidy shows govt concern

PAPAR: The subsidy for one-way economy class tickets of over RM599 from Peninsular Malaysia to Sabah, Sarawak and Labuan for flights three days prior to festivals indicates the government's commitment to reducing the cost of living.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said this is the second form of flight ticket assistance following *Flysiswa*.

"The agenda to tackle cost of living is mobilised under several clusters, including housing, income and transport." – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 DISEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Dec	Pakar dari UMS, UNIMAS sertai jawatankuasa khas harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1190118/pakar-dari-ums-unimas-sertai-jawatankuasa-khas-harga-barang-di-sabah	BH
18-Dec	KPDN, UMS & UNIMAS cari mekanisme stabilkan harga barang	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpdn-ums-unimas-cari-mekanisme-stabilkan-harga-barang-x8qnb49	ASTROAWANI
18-Dec	Program Jualan Rahmah Kasih Sayang berimpak positif ringankan beban rakyat	https://www.google.com/amp/s/amp.utusanborneo.com.my/2023/12/17/program-jualan-rahmah-kasih-sayang-berimpak-positif-ringankan-beban-rakyat	UMBORNEO
18-Dec	Harga sekilogram ayam di Limbang bukan lagi paling mahal di Malaysia	https://tvstv.my/2023/12/17/harga-sekilogram-ayam-di-limbang-bukan-lagi-paling-mahal-di-malaysia/	TVSTV